

Hubungan sama tarafnya—



Raja Permaisuri lawat BAKAT

SERI PADUKA Baginda Raja Permaisuri Agong (dua dari kiri) beramah mesra dan menjaja kegiatan ahli-ahli BAKAT (Laut) di Wisma BAKAT di Pengkalan TUDM Lumpur, Perak, semalam.

Baginda mengiringi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga melawat sekitar Pengkalan TUDM termasuk Kompleks Sukan sebelum berangkat pulang ke Kuala Lumpur, petang semalam. —

Gambar Berita Harian oleh Yusoff Omar.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

'Jangan anggap ada istimewa'

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini, Sabah dan Sarawak tidak harus mengambil sikap bahawa terdapat perhubungan istimewa antara mereka dengan Kerajaan Persekutuan kerana keduanya mempunyai taraf yang sama dengan negeri-negeri lain.

"Semua negeri di Malaysia mempunyai hubungan dengan Kerajaan Persekutuan dan ia tidak terbatas kepada Sabah dan Sarawak sahaja," ujar beliau.

"Tetapi yang penting ialah tidak wujud sikap terdapat perhubungan istimewa antara Sabah dan Sarawak dengan Kerajaan Pusat," katanya kepada para pembertit di akhir lawatan dua harinya ke Sabah.

KOTA KINABALU, Selasa

kecuali mereka diberi pertimbangan khas kerana keduanya merupakan Malaysia terkemudian dan dipinahkan oleh lantikan daripada tugas kegiatan di Semenanjung Malaysia.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir lebih cepit rakyat menifalkan diri masing-masing sebagai rakyat Malaysia dan tidak sebagai penduduk Sabah, Sarawak atau Johor, lebih baik ia bagi perhubungan negara.

Permintaan

Mengenal kekurangan tenaga kerja di Sabah, Perdana Menteri berkata, perkara yang penting ialah penduduk di luar negeri ini tidak datang ke sini untuk mengambil alih kerja dari penduduk tempatan.

Katanya, terdapat kekurangan kakitangan teknikal dan pegawai-pegawai kanan di Sabah dan sekiranya ada orang-orang ini mereka hendaklah datang bekerja di negeri ini.

"Sabah telah pun mencuri beberapa orang dari Semenanjung. Kami menghantar jenerai dan pegawai polis ke sini dan mereka bersara serta terus menetap di Sabah," katanya berseloroh.

Mengenal permintaan Kerajaan Sabah supaya ditambah peruntukan di bawah Rancangan berkata, permohonan serupa itu bukan sahaja diterima dari Sabah tetapi juga dari negeri-negeri lain sehinggalah negeri yang paling kecil iaitu Perlis tidak

puashati dengan peruntukannya. Beliau menjelaskan bahawa Sabah telah diberikan salah satu peruntukan terbesar di bawah RME dan rancangan-rancangan sebelumnya kerana negeri ini memerlukan wang yang banyak untuk melaksanakan pembangunan dan Kerajaan menyedari hakikat pelaksanaan projek-projek menelan belanja yang lebih di Sabah.

Bellau menekankan peruntukan kewangan dibuat berdasarkan keperluan wang "dan kami tidak boleh memberi lebih daripada apa yang termampu."

Menurutnya, seteguh-seteguh negeri tidak membelanjakan kesemua wang yang diperuntukkan tetapi bagi Sabah, setiap sen telah dibelanjakan kerana kesepatan pembangunannya.

"Saya menguapakan syabas atas kecakapan mereka tetapi saya tidak dapat memberi lebih daripada itu," katanya.

Ditanya tentang kemungkinan dibuka sebuah lagi kasino, mungkin di Sabah, Perdana Menteri merujuk semula kepada kenyataan baru-baru ini bahawa sebuah kasino sudah mencukupi. "Saya tidak tahu sama ada pada kesokan harinya sahaja Genting Highlands merosot atau tidak. Saya tidak berniat untuk meringkaskan lesen kasino tersebut, sekurang-kurangnya bukan sekarang, tetapi saya berpendapat

sebuah negara yang bergantung pada perjudian untuk hidupnya adalah sebuah negara yang bangkrut, bangkrut dari segi ekonomi."

"Kami tidak mahu mendapatkan wang daripada orang-orang yang kalah bertjudi dan saya pernah diberitahu ada orang-orang yang mem-bunuh diri selepas berkunjung ke kasino."

Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak mahu rakyat Malaysia mengalami tekanan seperti itu dan tekanan berpedapat adalah buruk bagi Malaysia dan juga Sabah mempunyai kasino.

Sabah, katanya, telah berkembang maju dari segi ekonomi hasil sumber-sumber minyak gas dan kayu-kayumannya dan beliau percaya pemberian lesen kasino tidak akan banyak membantu negeri ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, paling banyak yang diperolehi oleh kasino di Genting Highlands sekarang ialah kira-kira 500 juta — satu jumlah yang kecil bagi Sabah.